

30/12/1997

Plus naikan taraf lapan hentian

KUALA LUMPUR, Isnin - Projek Lebuhraya Utara-Selatan Berhad (Plus) menaikkan taraf lapan Hentian Sebelah di Lebuhraya Utara-Selatan (NSE) di seluruh negara kepada Kawasan Rehat dan Rawat (RSA).

Pengurus Besar (Bahagian Operasi) Plus, Khairuddin Zainal, berkata peningkatan taraf itu membabitkan pembinaan kawasan gerai, tempat letak kereta tambahan, stesen minyak dan wakaf.

Beliau berkata, tambahan lapan RSA baru itu kepada 18 sedia ada menjadikan semuanya 27 RSA termasuk Restoran Jambatan di Sungai Buloh (OBR) di sini.

"Peningkatan taraf itu adalah tanda usaha gigih Plus ke arah memberikan perkhidmatan terbaik kepada pengguna lebuhraya," katanya selepas taklimat mengenai OBR Sungai Buloh di sini, hari ini.

OBR Sungai Buloh, RSA terbesar dan yang pertama seumpamanya di negara ini, mula dibuka kepada orang ramai bulan lalu membabitkan restoran jambatan merentasi Km 458.4 NSE.

Kemudahan untuk pengguna lebuhraya Plus terbahagi kepada dua iaitu Hentian Sebelah dan RSA.

RSA ditempatkan setiap 60 kilometer di NSE dengan kemampuan untuk membesarkan Hentian Sebelah sedia ada jika wujud permintaan.

Mengenai OBR, Khairuddin berkata, ia dibina dengan kos kira-kira RM26 juta berikutan permintaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya kemudahan seumpama itu disediakan di negara ini.

Menurut beliau, OBR menerima sambutan hangat sejak beroperasi dengan menerima kunjungan kira-kira 4,000 kenderaan setiap hari.

Menurut kajian Plus seksyen NSE itu digunakan kira-kira 60,000 kenderaan sehari.

"Satu keistimewaan OBR berbanding RSA lain ialah ia menyediakan pemandangan lebuhraya yang jelas kerana kedudukannya di atas NSE," katanya.

(END)